

TARIKH: 17/1/2023

SURAT KHABAR: BERITA HARIAN

MUKA SURAT: 16

Tiga individu dituduh kemuka dokumen palsu kepada PERKESO

Melaka: Dua pengurus dan seorang pemilik syarikat didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam, atas pertuduhan berasingan mengemukakan dokumen palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi menuntut insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 berjumlah RM147,400, dua tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Hafizi Ab Jamal, 32, yang juga pengurus syarikat Rizky H&I Global; Nurul Ain Shamsudin, 30, (Perusahaan Zaharain Enterprise) dan Asmida Shahfika Abdul Rahman, 25, yang juga pemilik syarikat Roti Warisan Enterprise, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan masing-masing pada prosiding berasingan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Hafizi, Nurul Ain dan Asmida Shahfika masing-masing didakwa memberikan Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja atas nama syarikat Rizky H&I Global, Perusahaan Zaharain Enterprise dan Roti Warisan bertarikh 26 Mei dan 18 Jun 2021; 20 Mei 2021 dan 7 Mei 2021 melalui seorang lelaki kepada seorang pegawai perkhidmatan pekerjaan pejabat PERKESO bagi menuntut insentif melalui program berkenaan berjumlah RM147,400.

Mereka dituduh dengan niat memperdayakan PERKESO dengan dokumen pengesahan itu yang mengandungi pernyataan palsu 'nama pekerja baharu', sedangkan senarai pekerja yang dinamakan bukan pekerja syarikat berkenaan.

Muhammad Hafizi yang berdepan dua pertuduhan didakwa melakukan perbuatan itu di Pe-

jabat PERKESO, Wisma PERKESO Jalan Persekutuan, MITC, Ayer Keroh, pada 26 Mei dan 18 Jun 2021 bagi menuntut insentif berjumlah RM74,600, manakala Nurul Ain dan Asmida Shahfika, masing-masing menuntut insentif RM35,900 dan RM36,900 pada 3 Jun 2021 dan 19 Mei 2021 di tempat sama.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa SPRM, Ikhwan Zaudi Nordin dan Mohd Yasri Yahya, manakala peguam Hafizah Sani mewakili Nurul Ain dan Asmida Shahfika. Muhammad Hafizi tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pendakwaan mencadangkan jaminan RM40,000 bagi Muhammad Hafizi, manakala Nurul Ain dan Asmida Shahfika sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah, tidak mengganggu saksi dan melapor diri di pejabat SPRM terdekat pada minggu pertama setiap bulan.

Bagaimanapun, peguam tertuduh memohon jaminan rendah atas alasan Nurul Ain hanya membantu suami berniaga dengan pendapatan antara RM2,000 hingga RM2,500 sebulan serta menanggung ibu bapa dan anak bersekolah.

Katanya, Asmida Shahfika pula mempunyai dua anak berusia satu dan dua tahun serta sedang sarat mengandung anak ketiga.

Selepas meneliti hujah kedua-dua pihak, mahkamah menetapkan Nurul Ain dan Asmida Shahfika diikat jamin RM8,000 setiap seorang, manakala Muhammad Hafizi sebanyak RM20,000.